

Jenis Akhbar : Bernama
Tarikh : 26/07/2022
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com
Tajuk : MAAB Urus 170,000 Kes Dengan Nilai Aset Amanah RM86 Billion

MAAB Urus 170,000 Kes Dengan Nilai Aset Amanah RM86 Billion



ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتب كو قراسع كبخسان مليسيا برحد

(Malaysian National Co-operative Movement)

- 26 Julai 2022 @ 05:42 PM

TAIPING, 26 Julai (Bernama) - MyAngkasa Berhad (MAAB), sebuah syarikat amanah milik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) sehingga hari ini telah mendaftarkan wasiat melebihi 170,000 kes dengan anggaran jumlah nilai aset RM86 billion.

Timbalan Presiden Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik berkata daripada jumlah itu, MAAB telah menguruskan sebanyak 637 fail bagi pentadbiran harta pusaka yang dianggarkan berjumlah RM320 juta.

“Jumlah (angka) berkenaan disifatkan besar kerana MAAB sebagai institusi menguruskan amanah harta yang masih 'muda' berikutan usianya baru mencecah tujuh tahun. Pencapaian ini membuktikan kepercayaan masyarakat kepada MAAB.

“Ini menunjukkan MAAB adalah sebuah intitusi amanah yang agak muda berbanding dengan industri amanah yang lain. Kita melantik pentadbiran yang professional yang menjalankan pentadbiran dengan baik dan adil,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan penyampaian sumbangan dan infaq bagi harta pusaka dari keluarga seorang penerima, Allahyarham Hassan Johan bernilai kira-kira RM17,000 dalam satu majlis di sini hari ini.

- BERNAMA